bp

Kod kita

Kita melakukan perkara yang betul

Selamat datang ke tatakelakuan kita.

Tatakelakuan kita adalah bahasa sepunya syarikat kita, tidak kira tempat bp beroperasi di dunia atau cara cabaran perniagaan mungkin berubah, kod ini akan menambat kita pada prinsip dan jangkaan yang membimbing aktiviti harian, menyokong proses membuat keputusan beretika dan menetapkan standard untuk cara kita melakukan perkara yang betul.

Kod ini berfungsi sebagai asas syarikat kita. Ini cara kita menjalankan perniagaan, dari bilik lembaga pengarah sehingga ke barisan hadapan. Kod ini membentuk cara bp membangunkan sumber dan menghasilkan tenaga, cara kita berinteraksi dengan komuniti setempat, kawasan kita tinggal dan bekerja, dan cara kita berkelakuan terhadap warga kerja syarikat dan semua orang yang berhubungan dengan kita. Kod ini juga sentiasa membantu memberikan panduan apabila kita tidak pasti atau berasa tidak senang tentang pilihan yang kita hadapi.

Lebih daripada itu, kod kita ini penting kepada 'Siapa kita' sebagai satu syarikat dan juga sebagai individu. Kod ini adalah cara kita hidup dengan tujuan, cara kita mengambil berat terhadap orang lain dan cara kita bermain untuk menang- dengan cara yang betul.

Akhir sekali, kod ini membantu mewujudkan persekitaran yang membolehkan semua tampil bersuara. Untuk berkongsi idea, bertanya soalan, mengakui kesilapan, memberi maklum balas dan menyuarakan kebimbangan tanpa rasa takut menerima sebarang tindakan balas. Saluran bersuara kita sentiasa tersedia untuk anda, seperti yang dijelaskan dalam kod kita. Anda boleh pilih sebarang saluran mengikut keselesaan, sama ada bercakap dengan pengurus, dengan penasihat sokongan ataupun meghubungi OpenTalk. Anda mempunyai tanggungjawab untuk tampil bersuara jika anda melihat atau mengalami sesuatu yang tidak selamat, menyalahi undang-undang atau tidak konsisten dengan kod kita. bp akan mendengar dan bertindak.

Sama seperti sebarang dasar atau keperluan lain, kod kita hanya berkesan jika kita membacanya, jika kita memahaminya dan jika kita menerapkannya dengan menggunakan pertimbangan yang wajar. Saya, dan setiap ahli lembaga pengarah serta pasukan kepimpinan, bertanggungjawab terhadap standard yang ditetapkan dalam kod ini. Kami menjangkakan- dan kami tahu-anda juga begitu.

Bersama-sama kita dapat membina bp yang lebih kukuh, menggunakan kod ini sebagai panduan.

Albert Manifold
Pengerusi

Carol Howle
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sementara

Kod kita ialah asas 'Siapa kita' dan semua yang kita lakukan.

Kita mengutamakan keselamatan; mengamalkan prinsip kepimpinan keselamatan dan mematuhi OMS. Kita membuat keputusan beretika, bertindak secara bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang yang terpakai.

Kod kita membimbing dan memperkasakan kita untuk bersuara jika sesuatu dirasakan tidak betul – dan untuk mendengar, serta bertindak, jika wajar, apabila sesuatu isu dibangkitkan.

Kita 'Berusaha untuk menang' tetapi bukan dengan apa jua cara. Kita melakukan perkara yang betul untuk menang dengan cara yang betul, dengan bertindak selari dengan tujuan kita dan prihatin terhadap orang lain – bersama-sama sebagai bp.

Siapa kita

Bertindak selari dengan tujuan kita

Utamakan keselamatan

Ambil berat terhadap satu sama lain dan terhadap syarikat kita – sama ada dalamtalian atau sebaliknya

Hasilkan impak positif

Di mana sahaja kita bekerja – dan dengan siapa saja kita bekerja

Lakukan perkara yang betul

Sentiasa patuhi kod kita

Berusaha untuk menang

Kenali saingan

Pasti ada seseorang yang lebih baik – kita minta pandangan yang berbeza dan belajar daripadanya

Teruskan membuat penambahbaikan

Jadi lebih tangkas, lebih digital dan lebih cekap dengan wang yang kita belanjakan

Bertanggungjawab

Kita tepati janji kita. Sekiranya kita tidak dapat lakukannya – atau jika kita buat kesilapan – kita akui dan terima tanggungjawabnya

Prihatin terhadap orang lain

Bersikap baik

Kenali mereka yang bekerja dengan anda, tunjukkan minat dengan ikhlas, berikan sokongan

Utamakan pasukan

Bersikap inklusif, bekerjasama dan terbuka terhadap pandangan yang jujur, dan tinggalkan sifat egoistik

Letakkan diri anda di tempat orang lain

Terutamanya rakan kongsi, pembekal dan pelanggan kita – tanya bagaimana kita boleh bantu mereka

Lakukan perkara yang betul – alat untuk membuat keputusan

Rasa tidak selesa atau bergelut dalam membuat keputusan yang sukar? Mungkin semua soalan berikut atau sebahagian daripadanya dapat membantu:

1. **Adakah keputusan anda konsisten dengan undang-undang, kod kita dan 'Siapa kita'?**
   Baca kod kita, kepercayaan kita dan pertimbangkan keperluan bp yang berkaitan.
2. **Apakah kesan yang berkemungkinan timbul akibat keputusan anda?**
   Pertimbangkan siapa atau apa yang boleh mendapat manfaat atau mudarat, hari ini atau dalam jangka panjang.
3. **Apakah yang akan berlaku jika semua orang membuat keputusan yang sama?**
   Pertimbangkan implikasi yang lebih luas jika keputusan dibuat merentas banyak pasukan atau perniagaan.
4. **Pernahkah anda pertimbangkan jika terdapat prejudis atau tekanan yang boleh mempengaruhi anda?**
   Berhenti dan fikirkan sejenak.
5. **Sudahkah anda ambil iktibar daripada pengalaman lalu?**
   Jika boleh, manfaatkannya.
6. **Bolehkah anda pertahankan keputusan anda jika ia menjadi berita umum atau tajuk utama?**
   Letakkan diri anda di tempat orang lain. Fikirkan tindak balas yang mungkin diambil oleh pihak berkepentingan kita: pekerja, pelanggan, rakan kongsi dan orang ramai.

Jika ragu-ragu, ujilah ia! Jika anda masih berasa tidak selesa atau tidak pasti, uji keputusan anda. Mungkin anda boleh mengujinya dengan pengurus jaluran anda atau rakan sekerja yang dipercayai, termasuk seseorang yang mempunyai sudut pandangan yang berbeza.

Anda tidak bersendirian – pakar bidang dan saluran bersuara kita juga sentiasa tersedia. Ingat – bp tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas dendam.

keperluan bp dan sumber yang berguna

'Siapa kita'
Alat membuat keputusan

Tanggungjawab kita dan cara kita bersuara

06 Tanggungjawab kita
06 Siapa yang mesti mematuhi kod kita
06 Cara kita mencapai sesuatu adalah sama pentingnya dengan apa yang kita capai
07 Bersuara dan OpenTalk
07 Saluran bersuara kita
07 Cara kita mengurus kebimbangan dan penyiasatan
07 Sifar toleransi terhadap tindakan balas dendam

Keselamatan dan kemampanan

09 Beroperasi dengan selamat
09 Mencapai rangka kemampanan kita

Insan

11 Kepelbagaian, kesaksamaan dan rangkuman
11 Tempat kerja bebas daripada diskriminasi dan gangguan

Rakan perniagaan

13 Bina dan kekalkan hubungan yang kukuh dengan pembekal dan rakan perniagaan
13 Bersikap tegas menentang rasuah dan sogokan
13 Saling bertukar hadiah dan hiburan dengan cara yang sesuai dan wajar
14 Elakkan tingkah laku antipersaingan
14 Urus konflik kepentingan secara proaktif
14 Hormati undang-undang perdagangan antarabangsa
14 Cegah pengubahan wang haram

Kerajaan dan masyarakat

16 Hak asasi manusia dan penglibatan masyarakat
16 Komunikasi awam
16 Data peribadi dalam jagaan kita
17 Penggunaan teknologi digital secara beretika
17 Pendirian kita mengenai aktiviti politik

Integriti aset dan kewangan

19 Rekod dan kekalkan maklumat yang tepat dan lengkap
19 Lindungi aset bp
19 Jangan terlibat dalam urusan orang dalam
20 Glosari

Kita mengutamakan

pasukan

Tanggungjawab kita

Untuk menjadi syarikat yang dipercayai dan mencapai tujuan kita, setiap daripada kita mesti komited untuk bekerja mengikut set standard yang tinggi dan konsisten dalam semua perkara yang kita lakukan dan katakan, setiap hari. Kod kita menyediakan standard ini untuk bp.

Mematuhi kod kita adalah wajib. Setiap pekerja mesti membaca dan memahami kod kita, menggunakan prinsipnya dan mengikut semua jangkaan yang berkaitan. Kod kita termasuk pautan untuk mengakses keperluan bp lain yang berkaitan (dasar bp, prosedur bp dan amalan bp), prinsip kepimpinan keselamatan kita dan OMS. Anda mesti mengetahui keperluan bp ini dan mematuhinya apabila berkaitan dengan peranan anda. Pelanggaran mana-mana keperluan bp dianggap sebagai pelanggaran kod kita.

Kod kita ialah kenyataan umum bahawa bp komited untuk melakukan perkara yang kita percaya adalah betul. Ia juga merupakan sumber yang berharga untuk membantu anda membuat keputusan bijak dan beretika serta melakukan perkara yang betul. Ini bermakna berfikir tentang cara anda bertindak – di samping apa tindakan yang anda ambil – dan bersuara apabila sesuatu dirasakan tidak betul.

Oleh kerana tiada tatakelakuan yang boleh merangkumi setiap situasi, bp bergantung kepada anda untuk menggunakan pertimbangan yang baik selaras dengan kod kita dan dengan dipandu oleh 'Siapa kita' serta prinsip kepimpinan keselamatan kita. Anda bertanggungjawab untuk bersuara apabila anda mempunyai soalan atau kebimbangan.

Kita beroperasi di banyak negara. Mungkin ada kalanya undang-undang, peraturan atau adat resam tempatan bercanggah dengan kod kita. Apabila terdapat percanggahan atau perbezaan antara undang-undang atau peraturan yang terpakai dan kod kita, anda mesti menggunakan standard yang paling ketat. Jangan ikut adat yang melanggar kod kita. Jika ragu-ragu, hubungi ECL, P&C atau jabatan Undang-undang anda.

Siapa yang mesti mematuhi kod kita

Kod kita terpakai kepada semua pekerja, pegawai dan ahli lembaga bp. Jangkaan kita terpakai bagi tingkah laku dalam talian dan juga secara bersemuka. Tidak semestinya kelakuan anda perlu berlaku di tempat kerja untuk melanggar kod kita, contohnya jika ia tidak melanggar keperluan bp, memberi kesan negatif terhadap tempat kerja atau menjejaskan kepentingan perniagaan bp yang sah.

Kegagalan mematuhi kod kita boleh mengakibatkan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

Rakan kongsi perniagaan, termasuk usaha sama yang dikendalikan dan pihak ketiga, boleh memberi kesan langsung terhadap reputasi kita melalui tingkah laku mereka. Kita ingin bekerjasama dengan rakan kongsi perniagaan yang juga mempunyai komitmen yang sama terhadap keselamatan, etika dan pematuhan.

Kita menjangkakan dan menggalakkan semua kontraktor kita dan pekerja mereka untuk bertindak dengan cara yang konsisten dengan kod kita. Kita akan mengambil langkah yang sewajarnya apabila kita percaya mereka tidak memenuhi jangkaan kita atau kewajipan kontrak mereka.

Cara kita mencapai adalah sama pentingnya dengan apa yang kita capai

Tanggungjawab jika anda seorang pekerja

- **Baca, fahami dan bertindak selaras dengan kod kita**, dengan dibimbing oleh 'Siapa kita' dan prinsip kepimpinan keselamatan kita.
- **Bersuara**, tanya soalan dan utarakan kebimbangan jika anda menyedari tentang kemungkinan pelanggaran undang-undang terpakai, peraturan atau kod kita. Bekerjasama sepenuhnya apabila memberikan respons dalam penyiasatan atau audit bp.
- **Fahami dan urus risiko** yang berkenaan bagi peranan anda, ikuti semua keperluan bp yang berkaitan dan lengkapkan semua latihan mandatori yang diberikan kepada anda.
- **Lengkapkan pensijilan tahunan** untuk mengesahkan sama ada anda telah bertindak dengan mematuhi kod kita.

Tanggungjawab tambahan jika anda seorang pengurus jaluran

- **Contohi sikap 'Siapa kita'** dengan ahli pasukan anda dan wujudkan persekitaran yang prihatin, hormat-menghormati, terangkum dan saksama.
- **Galakkan pasukan anda untuk bersuara** dan tunjukkan bahawa mereka akan disokong jika mereka bersuara dengan mendengar, bertindak balas dan menjalankan peranan anda untuk memastikan tiada sesiapa yang mengalami tindakan balas dendam.
- **Dorong pematuhan dan pengurusan risiko** dengan kerap berbincang dengan pasukan anda tentang jangkaan kod kita, risiko dan keperluan yang berkenaan serta kepentingan melengkapkan latihan mandatori tepat pada masanya.
- **Iktiraf** tingkah laku yang betul, urus tingkah laku yang buruk dan bersikap konsisten apabila menetapkan tanggungjawab.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Tanggungjawab kita

Bersuara

Kita prihatin terhadap orang lain. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk bersuara jika kita menyedari sesuatu yang tidak selamat, menyalahi undang-undang atau tidak konsisten dengan kod kita. Selaras dengan prinsip kepimpinan keselamatan kita, kita menggalakkan dan mengiktiraf sesiapa pun untuk bersuara. Kita ingin mengetahui sebab kesilapan berlaku supaya kita dapat memberi respons yang boleh membantu. Jika anda ingin mengemukakan kebimbangan atau mempunyai soalan dan perlukan bantuan, anda tidak bersendirian. Saluran bersuara kita tersedia untuk anda. Semua kebimbangan diambil serius dan dikendalikan secara sulit di bawah proses pengurusan kebimbangan bp.

Kita juga perlu mendengar, bertindak dan mengambil pelajaran setiap kali orang lain bersuara. Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan jika kebimbangan dibangkitkan kepada anda, saluran bersuara kita menyediakan sokongan untuk anda.

OpenTalk

OpenTalk, talian bantuan global bp, ialah cara untuk mengemukakan kebimbangan atau mendapatkan jawapan kepada soalan anda tentang kod kita secara sulit. Ia ditadbir oleh syarikat bebas, tersedia setiap hari dalam seminggu pada bila-bila masa, siang atau malam dan boleh membantu anda dalam lebih daripada 75 bahasa. Sesiapa sahaja, termasuk kontraktor, rakan perniagaan, pembekal dan pelanggan boleh menggunakan OpenTalk. Anda boleh menghubungi OpenTalk secara tanpa nama dari kebanyakan lokasi.

Apa-apa sahaja yang anda laporkan akan dirahsiakan setakat yang mungkin, selaras dengan undang-undang dan amalan perniagaan yang baik.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Bersuara dan OpenTalk

Saluran bersuara kita

Hubungi pengurus jaluran anda atau pengurus lain

Atau
Hubungi penasihat anda yang berkaitan seperti ECL, P&C, jabatan Undang-undang, E&C, S&ORA

Atau
Hubungi OpenTalk

Untuk maklumat lanjut, termasuk nombor telefon tempatan, sila buat carian "OpenTalk" di onebp

+44 (0) 800 066 8331 di UK

+1 800 225 6141 di AS

+1 704 540 2242 nombor 'panggilan pindah bayaran' yang akan menerima panggilan anda tanpa sebarang caj kepada anda

Anda juga boleh mengemukakan kebimbangan melalui laman web di:
www.opentalkweb.com

Cara kita mengurus kebimbangan dan penyiasatan

Melakukan perkara yang betul bermakna mendengar dan menilai sebarang kebimbangan yang dibangkitkan. Sekiranya wajar, pasukan BI kita (sebahagian daripada E&C) akan menyiasat sebarang kemungkinan pelanggaran kod kita.

Sifar toleransi terhadap tindakan balas dendam

bp tidak bertolak ansur dengan tindakan balas dendam.

Kita menganggap tindakan membalas dendam sebagai salah laku. Tindakan balas dendam boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk ugutan, intimidasi, pengecualian, penghinaan dan membangkitkan isu dengan niat jahat.

Jika anda berpendapat bahawa anda atau seseorang yang anda kenali pernah mengalami tindakan balas dendam, hubungi mana-mana saluran bersuara kita.

Kita menilai

Secara amnya, apabila kebimbangan dibangkitkan, pasukan triaj (termasuk E&C, P&C dan ECL) akan memutuskan sama ada untuk mengendalikan kebimbangan itu melalui tindakan pengurusan ataupun penyiasatan. Proses ini akan sentiasa dirahsiakan, tertakluk kepada protokol keperluan untuk tahu.

Kita tangani

Jika dikendalikan sebagai tindakan pengurusan, perniagaan akan memberi panduan kepada mereka yang terlibat.

Jika kita memutuskan untuk menyiasat, BI akan menjalankan penyiasatan yang teliti dan tepat masa dengan memperoleh dan menganalisis fakta yang berkaitan bagi membuat penentuan.

Kita bertindak

Orang yang dilantik daripada perniagaan akan membincangkan dapatan dan memutuskan tindakan yang perlu diambil. Ini mungkin termasuk tindakan tatatertib yang konsisten dengan dasar tatatertib bp. Maklum balas diberikan kepada individu yang membangkitkan kebimbangan itu, selaras dengan prinsip kerahsiaan kita.

Utamakan keselamatan

Prinsip kita

Utamakan keselamatan. Tiada yang lebih penting daripada keselamatan pekerja kita dan mereka yang bekerja dengan kita. Kita berusaha keras untuk melindungi alam sekitar serta mencapai tujuan dan rangka kemampanan kita.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Beroperasi dengan selamat

Mencapai rangka kemampanan kita

– Sistem Pengurusan Operasi
– Prinsip Kepimpinan Keselamatan

Jangkaan kita

Beroperasi dengan selamat

Kita mesti berwaspada, berdisiplin dan sentiasa mengambil berat antara satu sama lain. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk bekerja dengan selamat dan mengamalkan prinsip kepimpinan keselamatan kita. Ancaman, intimidasi dan keganasan tidak akan diterima.

Prinsip Kepimpinan Keselamatan Kita

Bersama-sama, kita

Benar-benar prihatin terhadap satu sama lain

Tidak akan menjejaskan tumpuan kita terhadap keselamatan

Mengalakkan dan mengiktiraf **budaya bersuara**

Memahami cara sesuatu **itu dilakukan**

Belajar mengapa kesilapan berlaku dan **memberi respons yang boleh membantu**

Jangkaan HSSE kita ditetapkan mengikut kewajaran setiap lokasi atau perniagaan dan melalui penggunaan sistematik OMS untuk entiti kita yang beroperasi.

- Jangan lakukan tugas yang anda tidak layak untuk laksanakan.
- Hentikan tugas – sama ada tugas anda atau tugas orang lain – jika anda menganggapnya tidak selamat.
- Pastikan prestasi anda tidak terjejas, contohnya oleh alkohol, ubat-ubatan (termasuk ubat preskripsi dan tanpa preskripsi), atau oleh kekurangan tidur.
- Bersuara jika anda melihat persekitaran kerja yang tidak selamat atau tidak sihat. Beri perhatian apabila orang lain bersuara.
- Laporkan sebarang kemalangan, kecederaan, penyakit atau keadaan tidak selamat dengan segera. Jangan sekali-kali menganggap bahawa orang lain telah melaporkan atau akan melaporkan sesuatu risiko atau kebimbangan.
- Ketahui prosedur kecemasan yang digunakan di tempat anda bekerja.
- Jangkakan dan galakkan kontraktor dan mereka yang bekerja dengan kita untuk memenuhi keperluan HSSE yang berkenaan.

Mencapai rangka kemampanan kita

Setiap daripada kita mempunyai peranan yang menyokong rangka kemampanan kita – untuk mencapai sifar bersih, menambah baik kehidupan orang ramai dan menjaga planet kita.

- Mainkan peranan anda dalam mencapai rangka kemampanan kita.
- Fahami dan bertindak secara konsisten dengan dasar dan amalan alam sekitar serta sosial bp.

Kita meletakkan diri kita
di tempat orang lain

Prinsip kita

Pekerja kita adalah kunci kejayaan bp. Kita mengutamakan pasukan. Kita menghormati dan mengambil berat antara satu sama lain. Dengan bersikap baik dan meletakkan diri kita di tempat orang lain, kita menang secara individu dan sebagai sebuah syarikat.

Matlamat kita adalah untuk mencapai kepelbagaian, kesaksamaan dan rangkuman yang lebih hebat untuk tenaga kerja, pelanggan dan pembekal kita.

Kita tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas dendam terhadap rakan sekerja yang bersuara.

Jangkaan kod kita terpakai secara bersemuka dan juga secara dalam talian. Tidak semestinya kelakuan anda perlu berlaku di tempat kerja untuk melanggar kod kita.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Kepelbagaian, kesaksamaan dan rangkuman

Tempat kerja bebas daripada diskriminasi dan gangguan

– Dasar: Kepelbagaian dan rangkuman
– Dasar: Pemerolehan bakat
– Dasar: Pembangunan prestasi
– Dasar: Tatatertib

Jangkaan kita

Kepelbagaian, kesaksamaan dan rangkuman

Kita melayan semua orang dengan adil dan hormat, serta kita menjangkakan sesiapa yang bekerja dengan kita untuk melakukan perkara yang sama. Kita menghargai sumbangan unik yang diberikan oleh setiap orang kepada bp dan mengambil pendekatan yang saksama untuk mengambil berat tentang pekerja kita supaya kita boleh mencapai peluang yang adil untuk semua. Kita menyedari bahawa pasukan yang pelbagai dan terangkum memperoleh lebih banyak pencapaian dan boleh menggunakan perbezaan mereka untuk mengatasi pasukan yang tidak bercirikan kepelbagaian.

- Mainkan peranan anda untuk mengekalkan budaya yang berasaskan rangkuman dan 'Prihatin terhadap orang lain', dan memahami keperluan rakan sekerja anda.
- Bantu untuk mewujudkan persekitaran dan pengalaman yang pelbagai dan terangkum.
- Hormati kepercayaan dan pendapat yang berbeza rakan sekerja anda.
- Hormati perbezaan budaya.
- Galakkan untuk bersuara dan dengarkan apa yang mereka katakan.

Tempat kerja bebas daripada diskriminasi dan gangguan

Diskriminasi

Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang diskriminasi yang tidak adil di tempat kerja kita atau dalam pengambilan pekerja, pembangunan dan kemajuan kerjaya.

- Gunakan merit sebagai dasar apabila membuat keputusan berkaitan kerja, termasuk yang berkaitan dengan ganjaran dan faedah lain.
- Jangan mendiskriminasi berdasarkan bangsa, etnik, negara asal, agama, jantina, umur, orientasi seksual, identiti jantina, status perkahwinan, ketidakupayaan, status veteran atau apa-apa ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang berkenaan.

Gangguan

Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk penderaan atau gangguan, sama ada fizikal, lisan atau bukan lisan. Ini termasuk sebarang tingkah laku yang tidak diingini yang boleh dianggap menyinggung perasaan, mengugut atau memalukan, serta sebarang bentuk gangguan seksual. Bersikap mengecualikan juga boleh dianggap sebagai gangguan atau buli.

- Hormati semua orang.
- Bantu mewujudkan persekitaran kerja yang bebas daripada segala bentuk gangguan.
- Jangan terlibat dalam kelakuan yang boleh dianggap oleh orang lain sebagai penderaan atau gangguan.
- Jangan sampaikan mesej yang menyinggung perasaan, kata-kata menghina atau jenaka yang tidak wajar. Ini termasuk komen yang bersifat seksual atau sebarang tingkah laku seksual yang menyinggung perasaan.
- Ambil berat antara satu sama lain dan cabar tingkah laku yang tidak wajar.

Diskriminasi, gangguan dan perbuatan membuli hendaklah dilaporkan kepada pengurus jalur anda, P&C, jabatan Undang-undang, E&C atau OpenTalk.

Kita komited untuk
terus membuat
penambahbaikan

Prinsip kita

Kita menang dengan menjalankan perniagaan dengan cara yang betul dan mengenali saingan kita. Kita terus membuat penambahbaikan melalui prestasi kukuh yang berasaskan amalan perniagaan beretika dan sah.

Kita bekerjasama dengan rakan perniagaan kita dengan cara yang jujur, bersikap menghormati dan bertanggungjawab. Kita adalah syarikat yang boleh dipercayai.

Keperluan dalam bahagian kod kita ini selalunya rumit dan khusus fakta. bp mempunyai proses untuk menilai dan mengenal pasti pendedahan pekerja terhadap sesetengah bidang risiko ini dan menyediakan latihan yang berkenaan. Jika anda mempunyai soalan atau tidak pasti cara mengendalikan sesuatu situasi, hubungi ECL, jabatan Undang-undang atau E&C anda.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Pembekal dan rakan perniagaan

Pencegahan rasuah dan sogokan

Hadiah dan hiburan

– Dasar: Pencegahan rasuah dan sogokan, pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pengelakan cukai
– Prosedur: Pengurusan risiko dan penelitian terperinci rakan niaga

Jangkaan kita

Bina dan kekalkan hubungan yang kukuh dengan pembekal dan rakan perniagaan

Pembekal dan rakan perniagaan kita adalah penting untuk membolehkan kita menjalankan perniagaan dan memenuhi jangkaan pihak berkepentingan kita. Itulah sebabnya kita memilih mereka dengan berhati-hati, menggunakan proses pemilihan yang objektif dan menjalankan penilaian terperinci terhadap rakan niaga.

Kita ingin bekerjasama dengan syarikat yang mempunyai komitmen yang sama terhadap keselamatan, etika dan pematuhan.

- Laksanakan penelitian terperinci yang sewajarnya terhadap rakan niaga kita untuk menilai risiko undang-undang dan etika. Kaedah penelitian terperinci rakan niaga merangkumi penilaian rasuah, sogokan, sekatan perdagangan dan risiko pengubahan wang haram.
- Sampaikan jangkaan kita yang berkenaan dengan jelas kepada pembekal dan rakan perniagaan, bersetuju dengan kewajipan kontrak jika sesuai.
- Ketahui dan penuhi keperluan bp yang terpakai dalam perniagaan anda untuk rakan niaga anda, terutamanya pembekal, ejen, rakan kongsi usaha sama dan kerajaan.
- Laporkan sebarang tanda yang menunjukkan pembekal atau rakan kongsi perniagaan tidak mematuhi undang-undang yang terpakai atau kewajipan kontrak mereka.

Bersikap tegas menentang rasuah dan sogokan

Dalam perniagaan kita, kita tidak bertolak ansur dengan rasuah dan sogokan dalam apa jua bentuk.

- Patuhi undang-undang dan peraturan pencegahan rasuah dan sogokan, keperluan pencegahan rasuah dan sogokan bp serta sokong usaha untuk menghapuskan rasuah dan sogokan di seluruh dunia.
- Berusaha untuk memastikan rakan perniagaan kita turut berkongsi dan mematuhi keperluan kita.
- Jangan tawarkan atau terima rasuah, sogokan atau apa-apa jenis pembayaran tidak wajar yang lain, termasuk bayaran pemudahan.
- Pastikan buku dan rekod adalah tepat supaya bayaran diterangkan secara jujur dan dana syarikat tidak digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.

Saling bertukar hadiah dan hiburan dengan cara yang sesuai dan wajar

Kita tidak menerima atau memberi hadiah atau hiburan jika niatnya adalah untuk mempengaruhi keputusan atau sebagai balasan untuk sebarang kelebihan perniagaan, perkhidmatan atau maklumat sulit.

- Patuhi keperluan kita berkaitan hadiah, hiburan dan pengehosan, termasuk keperluan Daftar E&C untuk merekodkan hadiah, hiburan dan pengehosan.
- Jika terdapat percanggahan antara keperluan bp berkaitan hadiah, hiburan dan pengehosan dengan keperluan pihak luar berkenaan hadiah dan hiburan, ikuti keperluan yang paling ketat.
- Jangan sekali-kali menawarkan, memberi atau menerima hadiah atau hiburan yang boleh dilihat sebagai rasuah atau tidak senonoh, berorientasikan seks atau yang tidak wajar.
- Dapatkan kelulusan jabatan Undang-undang sebelum membayar perbelanjaan perjalanan untuk pegawai kerajaan atau bersetuju untuk membayar saraan harian berkaitan dengan perjalanan mereka.

Jangkaan kita (samb.)

Elakkan tingkah laku antipersaingan

Kita mematuhi undang-undang persaingan dan antipakatan. Ini adalah undang-undang yang melindungi pengguna dengan melarang tingkah laku antipersaingan.

- Jangan terlibat dalam sebarang bentuk perjanjian atau persefahaman dengan pesaing untuk menetapkan harga, memanipulasi bida, memperuntukkan pelanggan atau menyekat bekalan.
- Fahami siapa pesaing sebenar atau yang berpotensi (cth. ini mungkin termasuk Usaha Sama Tidak Dikendalikan) dan sekatan terhadap pertukaran maklumat sensitif persaingan.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Persaingan dan antipakatan
Konflik kepentingan
Peraturan perdagangan antarabangsa
Pencegahan pengubahan wang haram

– Dasar: Undang-undang persaingan
– Dasar: Konflik kepentingan
– Dasar: Peraturan perdagangan antarabangsa
– Prosedur: Sekatan perdagangan
– Prosedur: Kawalan eksport
– Prosedur: Antiboikot

Urus konflik kepentingan secara proaktif

Konflik kepentingan mungkin berlaku apabila minat atau aktiviti anda menjejaskan atau kelihatan menjejaskan keupayaan anda untuk membuat keputusan objektif untuk bp.

- Fahami cara berbeza konflik boleh berlaku. Sebagai contoh:
  - Pekerjaan luar dan hubungan dengan pesaing, pelanggan atau pembekal.
  - Bekerja dengan ahli keluarga terdekat.
  - Mempunyai hubungan intim dengan seseorang yang gajinya, kemajuan atau pengurusan kerjayanya boleh anda pengaruhi.
  - Berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah organisasi lain.
  - Pelaburan, termasuk pelaburan oleh ahli keluarga terdekat.
- Semasa membuat keputusan, sentiasa bertindak secara objektif dan selaras dengan tanggungjawab anda terhadap bp.
- Patuhi keperluan konflik kepentingan kita, termasuk mendedahkan situasi yang boleh mewujudkan konflik, atau yang kelihatan seperti konflik, kepada pengurus jaluran anda dan merekodkannya dalam daftar E&C.

Hormati undang-undang perdagangan antarabangsa

Undang-undang perdagangan antarabangsa– termasuk sekatan ekonomi, undang-undang import dan eksport serta undang-undang antiboikot– secara amnya melarang atau menyekat urusan dengan negara, entiti, individu atau item tertentu.

- Patuhi undang-undang perdagangan yang terpakai di semua negara tempat kita beroperasi.
- Ketahui keperluan bp yang terpakai kepada anda dan perniagaan anda serta patuhinya.
- Jika anda terlibat dalam transaksi yang sah tetapi berisiko tinggi, anda mesti mengambil langkah yang dipertingkatkan untuk mengekalkan pematuhan terhadap dasar bp dan undang-undang yang terpakai.
- Item yang dimaksudkan untuk import atau eksport (termasuk barangan ketara atau tak ketara seperti perisian dan teknologi) mesti diklasifikasikan terlebih dahulu, dan semua pelabelan, dokumentasi, lesen dan kelulusan yang diperlukan telah dilengkapkan.

Cegah pengubahan wang haram

Pengubahan wang haram adalah penglibatan dalam transaksi yang menyalahi undang-undang, melibatkan harta yang diperoleh daripada kelakuan haram atau yang menyokong jenayah atau keganasan.

- Jangan terlibat dalam pengubahan wang haram dan jangan jalankan perniagaan dengan orang yang kita syak mempunyai kaitan dengan aktiviti haram.
- Laporkan sebarang tanda-tanda pengubahan wang haram, termasuk transaksi yang mencurigakan seperti yang melibatkan struktur kompleks atau samar atau sumber harta yang tidak jelas.
- Jangan sekali-kali membantu mana-mana pihak dengan pengelakan cukai yang menyalahi undang-undang.

Kita menghasilkan impak
yang positif

Prinsip kita

Kita mahu memberi kesan positif dengan bekerjasama dengan kerajaan dan masyarakat untuk membantu meningkatkan kehidupan orang ramai. Kita mengiktiraf kepentingan tenaga yang lebih bersih dan peralihan tenaga yang adil yang menghormati hak asasi manusia serta mata pencarian yang mampan.

Kita menggunakan data secara bertanggungjawab dan melindungi serta memastikan keselamatan data dan sistem kita. Kita bertimbang rasa tentang kesan teknologi digital terhadap masyarakat kita.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Hak asasi manusia dan penglibatan masyarakat
Komunikasi awam
Data peribadi

– Dasar: Hak asasi manusia
– Dasar: Komunikasi & hal ehwal luar
– Dasar: Privasi data

Jangkaan kita

Hak asasi manusia dan penglibatan masyarakat

Kita komited untuk melakukan perkara yang betul apabila kita melibatkan pekerja dan masyarakat serta menjalankan perniagaan kita. Kita menggalakkan kakitangan dan perniagaan kita untuk mengambil berat terhadap orang lain dan melibatkan diri dalam masyarakat setempat.

Kita mahu menjadi jiran yang dipercayai, mengekalkan sikap berfikiran terbuka, beretika dan menghormati kepelbagaian, budaya dan adat tempatan untuk memberi kesan positif di mana sahaja kita beroperasi. Setiap daripada kita boleh memainkan peranan dalam mengenal pasti, mencegah dan menghapuskan pencabulan hak asasi manusia seperti buruh kanak-kanak, pemerdagangan manusia dan buruh paksa.

- Laporkan sebarang pencabulan hak asasi manusia yang disyaki dalam operasi kita atau dalam operasi rakan perniagaan kita kepada mana-mana saluran bersuara kita atau kepada pasukan hak buruh dan perhambaan moden.
- Maklumkan pasukan C&EA tempatan anda terlebih dahulu sebelum bercakap dengan wakil pertubuhan masyarakat atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
- Hanya ambil bahagian dalam pelaburan sosial atau aktiviti penajaan jika ia telah mengikuti proses yang wajar dan kelulusan yang diperlukan telah diperoleh.

Komunikasi awam

Adalah penting untuk memastikan komunikasi awam kita jelas, tepat, konsisten dan bertanggungjawab.

- Hanya bercakap dengan media atau ahli komuniti pelaburan jika anda diberi kuasa untuk berbuat begitu. Hubungi pejabat akhbar yang sesuai atau perhubungan pelabur untuk mendapatkan nasihat.
- Pembentangan luar mungkin merupakan cara terbaik untuk berkongsi kepakaran kita dengan orang lain tetapi pastikan anda telah mendapat kelulusan yang diperlukan sebelum menerima sebarang jemputan dan anda telah memperoleh kelulusan untuk kandungan pembentangan anda.
- Jika anda membuat siaran di mana-mana forum yang boleh dilihat oleh warga kerja kita atau mereka yang berurusan dengan kita, pastikan ia dibuat dengan menghormati orang lain. Ingat bahawa siaran dan ulasan media sosial anda bukannya tanpa nama dan boleh memberi kesan negatif terhadap tempat kerja atau kepentingan perniagaan bp yang sah, termasuk reputasi kita.

Data peribadi dalam jagaan kita

Kita menghormati hak privasi individu dan komited untuk melindungi data peribadi pekerja kita, pelanggan dan pihak lain yang berurusan dengan bp.

Apabila mengendalikan data peribadi:

- Kumpul dan gunakannya hanya untuk tujuan yang sah dan perlu.
- Bersikap telus dengan individu tentang cara kita akan menggunakan data peribadi mereka.
- Simpan data dengan selamat dan lindunginya menggunakan kaedah teknikal dan organisasi yang sesuai.
- Jangan berkongsi dengan orang lain tanpa alasan yang sah. Jika anda perlu kongsikan dengan orang lain, gunakan kaedah perlindungan yang sesuai.
- Padamkan data apabila ia tidak lagi diperlukan.

Jangkaan kita (samb.)

Penggunaan teknologi digital secara beretika

Kita mengambil berat tentang sebarang akibat yang tidak diingini apabila membangunkan atau menggunakan teknologi digital serta kemungkinan risiko yang timbul sepanjang kitaran hayat teknologi tersebut.

- Pertimbangkan sebarang dasar atau panduan yang berkaitan dengan mengambil kira implikasi etika mana-mana teknologi digital yang anda bangunkan atau gunakan.
- Jika ragu-ragu tentang penggunaan beretika teknologi digital, rujuk pasukan inovasi & kejuruteraan; atau saluran bersuara kita.

Pendirian kita mengenai aktiviti politik

Selaras dengan undang-undang yang terpakai, bp melaksanakan haknya untuk memaklumkan kedudukannya dalam isu yang berkaitan. Sebagai individu, anda mempunyai hak untuk mengambil bahagian secara peribadi dalam proses politik, termasuk membuat sumbangan politik peribadi. Walau bagaimanapun, anda perlu menyatakan dengan jelas bahawa pandangan dan tindakan peribadi anda bukanlah pandangan dan tindakan bp.

- Jangan gunakan dana atau sumber syarikat untuk menyokong mana-mana calon atau parti politik.
- Dapatkan kelulusan sebelum terlibat dalam sebarang aktiviti melobi.
- Aktiviti politik peribadi kadangkala boleh menimbulkan konflik dengan bp. Rujuk pengurus jalur anda jika anda atau ahli keluarga terdekat bercadang untuk menerima atau memohon jawatan awam, atau jika sebarang aktiviti politik lain mungkin memberi kesan kepada bp atau pada peranan anda di bp.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Etika digital
Aktiviti politik

Kita memikul kewajipan
dan bertanggungjawab
terhadap tindakan kita

Prinsip kita

Kita melindungi nilai pemegang saham, menjaga aset dan sumber kita. Kita juga bersikap jujur, bertanggungjawab dan telus tentang operasi dan prestasi kita.

Kita mengambil pendekatan proaktif dalam mengesan dan mencegah aktiviti penipuan terhadap bp.

keperluan bp dan sumber yang berguna

Rekod maklumat yang tepat dan lengkap

Lindungi aset bp

Urusan orang dalam

– Dasar: Keperluan perakaunan dan pelaporan kumpulan
– Dasar: Melindungi maklumat kita
– Dasar: Maklumat orang dalam

Jangkaan kita

Rekod dan kekalkan maklumat yang tepat dan lengkap

Kita semua terlibat dalam proses merekod maklumat kewangan dan bukan kewangan. Dalam melindungi kepentingan dan kerahsiaan kita, kita mesti bersikap terbuka dan jujur tentang perniagaan dan prestasi kita – tidak kira yang baik mahupun buruk.

Maklumat ini penting untuk bp supaya kita dapat membuat keputusan yang baik dan memberikan pendedahan yang tepat dan telus kepada pihak berkepentingan kita serta pihak awam.

- Patuhi undang-undang dan keperluan bp yang berkenaan apabila menghasilkan, menyelenggara, menyimpan atau melupuskan dokumen, termasuk dokumen elektronik.
- Pastikan semua transaksi mendapat kelulusan yang wajar, direkodkan dan dilaporkan dengan betul, seperti yang diperlukan. Rekod hendaklah adil dan tepat.
- Pastikan anda telah memperoleh kelulusan dalaman yang diperlukan apabila membalas permintaan maklumat daripada kerajaan atau badan kawal selia bagi pihak bp.

Lindungi aset bp

Kita semua bertanggungjawab untuk melindungi aset bp daripada kerosakan atau penipuan, termasuk kemudahan, harta dan peralatan, komputer dan sistem IT, maklumat, peluang korporat dan dana.

- Bertindak sewajarnya untuk memastikan aset syarikat tidak rosak, disalahgunakan atau hilang.
- Pastikan ID pengguna dan kata laluan anda disimpan dengan selamat.
- Berwaspada terhadap serangan siber dan penipuan seperti pancingan data dan segera laporkan sebarang insiden, termasuk kehilangan maklumat atau aset bp yang lain, sama ada kehilangan sebenar atau yang berkemungkinan.
- Peralatan komputer, telefon, akses e-mel dan internet disediakan untuk tujuan perniagaan dan dipantau secara berkala untuk membantu bp melindungi daripada serangan siber dan aktiviti berniat jahat. Penggunaan peribadi yang terhad boleh diterima.
- Apabila mengendalikan maklumat sulit, pastikan anda berhati-hati, terutamanya untuk menyulitkannya apabila diperlukan dan hanya berkongsi dengan penerima yang dibenarkan.
- Jangan kongsi maklumat bp secara luaran, melainkan maklumat tersebut diklasifikasikan sebagai 'awam', selaras dengan dasar melindungi maklumat bp. Pastikan maklumat bp digunakan hanya untuk tujuan perniagaan, penggunaan maklumat bp untuk tujuan peribadi adalah tidak dibenarkan.
- Lindungi harta intelek kita dan hormati hak harta intelek pihak lain.

Jangan terlibat dalam urusan orang dalam

Anda mungkin mengetahui maklumat tentang bp yang tidak tersedia secara umum dan yang mungkin dianggap relevan oleh pelabur apabila memutuskan sama ada untuk melabur atau tidak dalam sekuriti bp ('maklumat dalaman'). Adalah menjadi satu kesalahan jenayah untuk menggunakan maklumat dalaman bagi tujuan yang menyalahi undang-undang. Ini termasuk membeli atau menjual saham atau sekuriti lain, atau membuat sebarang keputusan dagangan berdasarkan maklumat dalaman, sama ada anda melakukannya sendiri atau melalui orang lain dan sama ada untuk faedah anda atau untuk orang lain.

Pekerja yang mempunyai akses kepada maklumat dalaman yang berpotensi tentang bp boleh dimasukkan ke dalam 'senarai orang dalam' dan akan diberikan panduan lanjut.

- Jangan sekali-kali berkongsi maklumat dalaman tanpa kelulusan terlebih dahulu.
- Jangan sekali-kali membeli atau menjual sebarang sekuriti bp jika anda mempunyai maklumat dalaman.
- Jangan sekali-kali menyebarkan maklumat palsu atau terlibat dalam aktiviti lain yang bertujuan untuk memanipulasi harga sekuriti tersenarai.
- Ikuti prinsip yang sama berhubung dengan maklumat dalaman berkenaan dengan syarikat tersenarai lain.
- Ingat bahawa peraturan mengenai urusan orang dalam tetap terpakai sekiranya anda bukan lagi pekerja bp.

Jika ragu-ragu, rujuk jabatan Undang-undang atau pejabat setiausaha syarikat.

Tiada bahagian kod kita yang boleh diketepikan tanpa kelulusan terlebih dahulu. Penepian hanya akan diberikan dalam keadaan istimewa tertentu sahaja. Semua permintaan untuk penepian hendaklah dibuat secara bertulis kepada SVP etika & pematuhan.

Kod kita tidak mengubah terma dan syarat pekerjaan anda. Ia memperincikan apa yang dijangkakan daripada setiap orang di bp dan membantu kita untuk menjadi bertanggungjawab dan bersikap menghormati. Kegagalan mematuhi kod kita boleh mengakibatkan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

Versi tatakelakuan kita ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023.

Glosari

Integriti perniagaan (BI)
Komunikasi & hal ehwal luar (C&EA)
Etika & pematuhan (E&C)
Perhubungan etika & pematuhan (ECL)
Kesihatan, keselamatan, sekuriti dan alam sekitar (HSSE)
Sistem Pengurusan Operasi (OMS)
Insan & budaya (P&C)
Jaminan risiko operasi & keselamatan (S&ORA)

Kita melakukan
perkara yang betul